

Bab 4

Analisis 2: Laman Web Yang Dibina Oleh Kanak-Kanak

Bab 4

Analisis 2 : Laman Web Yang Dibina Oleh Kanak-Kanak

Pemerhatian dilakukan terhadap laman-laman web yang dibina sendiri oleh kanak-kanak yang terdapat di Internet. Berikut merupakan alamat utama di mana laman-laman web mereka telah dijumpai:

1. <http://www.doi.gov/kids/>
2. <http://www.geocities.com>
3. <http://www.angelfire.com>

Maklumat-maklumat yang dikumpul adalah:

1. Peringkat umur yang membina laman web tersebut.
2. Kategori dan tujuan laman web.
3. Kandungan laman web
4. Ciri-ciri laman web

4.1 Keputusan Analisis

Selepas melayari dan memerhatikan beberapa laman web persendirian yang dibina sendiri oleh golongan ini, didapati peringkat umur boleh dibahagikan kepada 3 seperti yang ditunjukkan dibawah:

1. 8 tahun dan ke bawah.
2. 9 hingga 12 tahun.
3. 13 tahun dan ke atas.

Daripada pemerhatian, laman web yang dibina oleh mereka yang berumur 8 tahun dan ke bawah adalah dibina sendiri oleh ibu-bapa, abang atau kakak mereka. Ini berdasarkan kepada ayat-ayat yang terdapat pada laman web mereka yang menunjukkan terdapatnya orang kedua. Contohnya:

"She is 7 years old"

Perkataan *She is* jelas sekali menunjukkan bahawa terdapat orang lain yang telah menghasilkan laman web untuk mereka.

Bagi kanak-kanak yang berumur 9 hingga 12 tahun, kebanyakkan daripada mereka ini membina laman web mereka sendiri tetapi laman web yang dihasilkan adalah yang mudah dan ringkas berbanding dengan mereka yang berumur 13 tahun dan ke atas. Jadual 5.1 merupakan perbezaan yang dapat diperhatikan daripada laman web yang dihasilkan oleh kanak-kanak yang berumur antara 9 hingga 12 tahun dan kanak-kanak yang berumur 13 tahun dan ke atas. Ianya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :

1. Ciri-ciri laman web
2. Kandungan iaitu apakah yang mereka sampaikan atau paparkan.
3. Pembangunan iaitu kaedah atau cara mereka membina laman web.

Jadual 4.1 : Perbezaan laman web mengikut umur

	9 hingga 12 tahun	13 tahun dan ke atas
Ciri-ciri	Hampir kesemua laman web yang dihasilkan adalah ringkas dan mudah yang cuma terdiri daripada teks dan gambar yang statik. Tidak terdapat tanda-tanda yang menunjukkan penggunaan ciri-ciri yang lebih lanjut (<i>advanced</i>) seperti penggunaan Skrip Java, Skrip VB, <i>plug in</i> dan sebagainya. Isu rekabentuk yang baik bagi suatu laman web juga tidak diambil kira. Warna yang digunakan juga agak terang dan dipenuhi oleh pelbagai watak kartun.	Laman web yang dihasilkan oleh golongan ini nampak lebih menarik dan lebih banyak ciri-ciri yang lebih lanjut kerana mereka sudah mula menggunakan Applet Java, Skrip Java dan beberapa ciri-ciri lanjut (<i>advanced</i>) yang lain. Terdapat perbezaan antara laman yang dibina oleh lelaki berbanding dengan perempuan. Rekabentuk lelaki lebih garang dan mempunyai warna kegelapan berbandingan dengan laman perempuan yang lebih kepada warna-warna yang lembut serta berbunga-bunga.
Kandungan	Selalunya, mereka ini lebih cenderung untuk menceritakan mengenai diri sendiri, keluarga mereka, kawan-kawan, kegemaran serta binatang kesayangan mereka.	Golongan ini lebih suka memaparkan sesuatu yang boleh dikongsi seperti maklumat-maklumat perisian terbaru. Walaubagaimana pun terdapat perbezaan antara laman web lelaki dan perempuan. Perempuan lebih suka memaparkan tentang diri mereka, artis kegemaran dan berterus terang (<i>straightforward</i>).

		Tetapi bagi lelaki pula mereka lebih suka berkongsi maklumat yang mereka rasa perlu dikongsi dan tidak berterus terang di mana kadang-kadang pengenalan diri tidak diberikan dan lebih suka menggunakan nama samaran.
Pembangunan	Kebanyakan daripada laman web mereka dijumpai pada tapak web yang disediakan secara percuma seperti <i>Geocities</i> , <i>Angelfire</i> dan sebagainya. Kebanyakan daripada laman web tersebut dibangunkan dengan menggunakan <i>wizard</i> yang telah disediakan oleh tapak web tersebut. Oleh yang demikian, laman web yang mereka hasilkan adalah tertakluk kepada ciri-ciri yang disediakan sahaja. Kebanyakan daripada mereka masih tidak mampu untuk mengkod sendiri laman web mereka walaupun terdapat juga yang cuba menggunakan Java skrip yang agak mudah.	Kebanyakan daripada mereka menghasilkan sendiri laman web samada dengan perisian yang telah wujud ataupun menghasilkan atau mengedit kod sendiri. Ada daripada mereka yang telah menggunakan ciri-ciri yang lebih canggih seperti penggunaan Java skrip, VB skrip, CGI skrip dan juga Java applet. Walaupun kebanyakan daripada laman web yang mereka hasilkan juga dijumpai pada tapak-tapak web yang menyediakan ruangan laman web percuma tetapi kebanyakan daripada mereka menghasilkan sendiri fail HTML dan menyimpannya pada ruang penyimpan yang disediakan oleh tapak web tersebut.

4.2 Ringkasan

Daripada pemerhatian, di dapatkan kanak-kanak yang berumur 9 hingga 13 tahun kebanyakannya tidak menggunakan alat-alat pembina laman web yang sedia ada (Bab 3). Mereka lebih suka menggunakan *wizard* yang disediakan oleh tapak laman percuma di mana laman web mereka dijumpai. Laman-laman web mereka juga agak sukar dicari. Oleh yang demikian, untuk mengetahui apakah sebenarnya masalah dan keperluan yang merekakehendaki temubual secara terus dengan kanak-kanak telah dilakukan dan ianya diterangkan pada analisis yang berikutnya.